

23 OCT 2002

DINAR-CADANGAN/I

PENGUNAAN DINAR EMAS HARUS DIPERKENALKAN BERANSUR-ANSUR

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Seminar antarabangsa mengenai "Dinar Emas dalam Perdagangan Pelbagai Hala" yang berakhir hari ini mencadangkan supaya penggunaan dinar emas diperkenalkan secara beransur-ansur.

Sebagai permulaan, ia boleh digunakan untuk mempermudah perdagangan di kalangan negara-negara yang ada Perjanjian Pembayaran Dua Hala (BPA) dengan Malaysia, kata pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid ketika membahaskan cadangan-cadangan pada akhir seminar yang berlangsung selama dua hari itu.

Pendekatan beransur-ansur dalam memperkenalkan dinar emas adalah penting bagi memelihara kestabilan sistem sedia ada, katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menutup seminar itu berkata bahawa Malaysia akan mempertimbangkan untuk menubuhkan sebuah sekretariat bagi menjelaskan konsep penggunaan dinar emas bagi pembayaran dalam perdagangan antarabangsa.

Cadangan-cadangan lain termasuklah supaya bank-bank pusat dua negara peserta yang terbabit dalam perdagangan dua hala membuka akaun rizab emas masing-masing dengan sebuah bank kastodian.

Pengimport dan pengeksport antara kedua-dua negara akan terus membuat dan menerima bayaran kepada dan daripada bank pusat masing-masing dalam matawang negara masing-masing.

Pembayaran dengan menggunakan dinar emas akan hanya dilaksanakan pada peringkat bank pusat, melibatkan pemindahan berkala akaun rizab emas dalam bank kastodian. Dalam hubungan dinar emas ini, bank pusat akan memainkan tiga peranan iaitu peranan pembangunan, ejen pembayaran dan kastodian bagi rizab luar negara.

Berhubung dengan kecukupan emas untuk mempermudah penggunaan dinar emas dalam perdagangan antarabangsa, disebabkan oleh sifat mekanisme pembayaran itu, maka jumlah minimum dinar emas diperlukan bagi menyelesaikan imbalan perdagangan antara dua negara.

Penggunaan jumlah minimum dinar emas akan membolehkan negara-negara yang tidak mempunyai jumlah besar rizab pertukaran matawang asing mengambil bahagian dalam perdagangan berkenaan.

Mengenai isu yang memerlukan kajian selanjutnya, Ahmad Sarji berkata bahawa pelaksanaan cadangan dinar emas mestilah memastikan bahawa ia bebas daripada riba dan mematuhi hukum syarak, kukuh dan stabil.

Pada masa ini Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) melarang penggunaan emas sebagai kaedah pembayaran. Oleh yang demikian, cadangan dinar emas ini berpotensi melanggar peraturan tersebut.

Kesan-kesan penggunaan sistem matawang berkembar (dinar emas dan matawang sedia ada) ke atas perkembangan dinar emas perlu dikaji.

Disebabkan jumlah dagangan di kalangan negara-negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) agak kecil, maka perkembangan dinar emas mungkin terhalang oleh matawang-matawang sedia ada. -- BERNAMA

AKT SD KY AA